

13 JUN 2000

PENYERTAAN DITERIMA BAGI ANUGERAH MEDIA REBEN MERAH

KUALA LUMPUR, 13 Jun (Bernama) -- Penyertaan untuk merebut Anugerah Media Reben Merah (RRMA) 2000 yang dianjurkan oleh Yayasan AIDS Malaysia (MAF) sedang dibuka kepada orang ramai.

Pengerusi MAF Datin Paduka Marina Mahathir berkata 10 kategori akan dipertandingkan tahun ini yang meliputi cetakan, penyiaran dan media bukan tradisional.

Marina berkata kepada pemberita anugerah itu terbuka kepada anggota media tempatan, penghibur dan artis yang mana artikel berkaitan HIV/AIDS telah diterbitkan, disiarkan atau dipersembahkan dari 1 Mei 1998 hingga 31 Mei 2000.

Anugerah khas Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diwujudkan bagi individu atau kumpulan yang telah memberi sumbangan membantu mengurangkan kesan negatif HIV/AIDS di negara ini.

Setiap pemenang kategori media RRMA 2000 akan menerima anugerah yang direka khas oleh pengeluar barangan kemas terkenal Bvlgari, wang tunai RM2,500 dan sijil.

Pemenang anugerah Dr Siti Hasmah akan menerima trofi dan sijil daripada MAF.

Tarikh akhir penyertaan bagi kategori media cetak - akhbar, media penyiaran dan media bukan tradisional (seni) ialah pada 28 Julai, manakala bagi kategori media cetak - maklumat, bahan komunikasi pendidikan (IEC) tarikh tutup ialah 23 Julai.

Keterangan lanjut berkaitan RRMA dan borang penyertaan boleh didapati melalui laman web <http://mediaawards.tripod.com>.

Bagi tahun ini, anugerah akan disampaikan oleh Dr Mahathir pada dalam satu majlis yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada penghujung tahun ini.

-- BERNAMA

NLY ES RI